

## LAMPIRAN



جامعة ماليزيا

## UNIVERSITI MALAYA

6 Mei 2004

### KEPADА SESIAPA YANG BERKENAAN

Nama : Nurul Amali B. Mohd. Shamsudin  
No. Kad Pengenalan : 710914-10-5375  
No. Pendaftaran : PGA 020285  
Program : Sarjana Pendidikan  
Bidang Pengajian : Pendidikan Sains Sosial

Dengan ini disahkan bahawa calon di atas adalah pelajar Sarjana di Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya mulai Semester 2, Sesi 2002/2003.

Beliau sedang menjalani penyelidikan dan memerlukan maklumat penyelidikan yang boleh didapati dari Sekolah/Pejabat/Institusi/Universiti Tempatan/ EPRD/Pusat Perkembangan Kurikulum/Institut Aminuddin Baki (IAB)/Bahagian Pendidikan Guru/Bahagian Teknologi Pendidikan/Jabatan Pendidikan Negeri/Perpustakaan/ Majlis Sukan Negara dan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Oleh itu suacita dapat tuan/puan memberi kerjasama kepada beliau. Kerjasama yang diberikan didahului dengan ribuan terima kasih.

Sekian.

"UM TRADISI KECEMERLANGAN"

Yang benar,

Azlina Sardi  
Penolong Pendaftar (Ijazah Tinggi)  
Fakulti Pendidikan

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

/ZA  
DiskAra4;kebenaran menjalankan penyelidikan

Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

• Pejabat Dekan : (603) 7967 5000 Faks : (603) 7956 5506 • Timbalan Dekan : (603) 7967 5079/5080/5099 Faks : (603) 7967 5141/5089

Penolong Pendaftar : (603) 7967 5131/5001 • Pejabat Am : (603) 7967 5006/5133 Faks : (603) 7967 5130 • Institut Pengetua : (603) 2617 3021 Faks : (603) 2617 3020

• Jabatan Pendidikan Matematik dan Sains/Jabatan Asas Pendidikan dan Kemanusiaan : (603) 7967 5040 Faks : (603) 7967 5148

• Jabatan Pendidikan Bahasa dan Literasi/Jabatan Kurikulum dan Teknologi Pengajaran : (603) 7967 5027 Faks : (603) 7967 5139


• Jabatan Psikologi Pendidikan dan Kaunseling/Jabatan Pengurusan Perancangan dan Dasar Pendidikan : (603) 7967 5036 Faks : (603) 7967 5010



جَاتِيَّةِ إِسْلَامِ سَلاْعِدُورِ دَارِالإِحْسَانِ

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR  
TINGKAT 4, PODIUM UTARA,  
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH  
40676 SHAH ALAM.

No. Tel: 03-5544 7000 No. Fax: 03-5519 1143  
[www.jais.selangor.gov.my](http://www.jais.selangor.gov.my) e-mail: [jais@selangor.gov.my](mailto:jais@selangor.gov.my)



Assalamualaikum Wr. Wb.

Ruj. Tuan (011) Dlm.JAISEL.BPL

Ruj. Kami : 03/011

Tarikh : 26 Januari 2004

١٤٢٤ ذِرْخْرَه ١

Kepada :

Nurul Amali bin Mohd Shamsudin  
No. 4, Jalan Sungai Merbau 32/100,  
Taman Kemuning Greenville,  
Seksyen 32,  
40460 Shah Alam.

Tuan/ Puan,

**MEMOHON KEBENARAN UNTUK MENJALANKAN PENYELIDIKAN ILMIAH BAGI  
MEMENUHI SEBAHAGIAN SYARAT UNTUK MENDAPATKAN SARJANA PENDIDIKAN  
UNIVERSITI MALAYA.**

Dengan hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas. Dimaklumkan bahawa Jabatan ini berbesar hati dan berbangga kerana tuan memilih Sekolah Agama Menengah (SAM) Negeri Selangor Darul Ehsan sebagai sekolah-sekolah yang akan dilawati bagi membuat kajian dalam Program Sarjana Pendidikan Universiti Malaya.

2. Sehubungan itu, Jabatan ini tiada halangan untuk tuan membuat kajian berkenaan. Jabatan juga berharap tuan dapat menghubungi pengurusan sekolah berkenaan bagi tujuan temujanji atau perkara-perkara lain yang berkaitan.

3. Jabatan memohon kerjasama tuan supaya dapat menghantar satu salinan hasil kajian yang telah diluluskan oleh pihak universiti ke Jabatan ini sebagai bahan rujukan.

Segala kerjasama yang tuan/ puan berikan diaduhui dengan ucapan terima kasih.

Sekian, Wasalam.

**"BERKHIDMAT KERANA ALLAH UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan tugas,

( HAJI SHOLEHUDDIN BIN KAYAT AIS. PPT. )

Timbalan Pengarah Pendidikan Islam  
b.p. SS. Pengarah,  
Jabatan Agama Islam Selangor  
Selangor Darul Ehsan  
MJKV

s.k. : - Pengetua,  
SAM. Negeri Selangor Darul Ehsan  
\* tuan/ puan dipohon kerjasama memberi bantuan yang sewajarnya.



KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA  
BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN DASAR PENDIDIKAN  
PARAS 2, 3 DAN 5, BLOK J  
PUSAT BANDAR DAMANSARA  
50604 KUALA LUMPUR  
MALAYSIA

Telefon : 03-20986900  
Faks : 03-20954960  
Laman Web : <http://161.142.144.5>

Rujukan Kami : KP(BPPDP) 603/5 Jld.7 (120)  
Tarikh : 28 Julai 2004

Encik Nurul Amali bin Mohd Shamsudin  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur

Tuan,

**Permohonan Menjalankan Penyelidikan Di Jabatan Agama Selangor dan Sekolah Menengah Agama Negeri Selangor**

Adalah saya dengan hormatnya diarah memaklumkan bahawa permohonan tuan untuk menjalankan penyelidikan bertajuk:

**Pelaksanaan Pengajaran Tilawah Al-Quran Di Sekolah Agama Negeri**  
telah diluluskan.

2. Kelulusan ini adalah berdasarkan kepada cadangan penyelidikan dan instrumen kajian yang telah tuan kemukakan ke Bahagian ini. **Kebenaran bagi menggunakan sampel kajian perlu diperolehi dari Ketua Jabatan yang berkenaan.** Sila kemukakan ke Bahagian ini senaskah laporan kajian tuan setelah selesai kelak.

Sekian untuk makluman dan tindakan tuan selanjutnya. Terima Kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

(Dr. MOHD SAHANDRI GANI BIN HJ. HAMZAH)

b.p. Pengarah,  
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan,  
Kementerian Pelajaran Malaysia.

**SOALAN KAJI SELIDIK  
KAJIAN PERLAKSANAAN PENGAJARAN  
TILAWAH AL-QURAN DI SEKOLAH MENANGAH AGAMA NEGERI (SMAN)**

---

Tujuan Kajian

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji perlaksanaan pengajaran dan pembelajaran tilawah al-Qur'an bagi mata pelajaran Pendidikan al-Qur'an dan as-Surah di Sekolah Menengah Agama Negeri Selangor.

Kajian ini diharap dapat memberikan gambaran menyeluruh kepada penyelidik tentang perlaksanaan pengajarannya dan faktor-faktor yang mendorong kepada dapatan-dapatan tersebut di sekolah-sekolah berkenaan.

Arahan :

Kertas soal selidik mengandungi empat (4) bahagian. Kerjasama anda dipahami untuk melengkapkan kesemua soalan yang diberikan. Anda akan memerlukan lebih kurang 10 hingga 15 minit untuk melengkapkan borang soal selidik ini.

Sila lengkapkan soal selidik ini dengan jujur dan ikhlas sebagaimana situasi dan pengalaman sebenar anda di dalam kelas. Butiran peribadi anda adalah sulit dan akan dirahsiakan. Hanya dapatan berbentuk pengiraan statistik akan digunakan untuk menjawab soalan-soalan kajian.

Terima kasih atas kerjasama dan perhatian anda. Kerjasama anda adalah penting bagi menjayakan kajian ini. Hanya Allah Taala sahaja yang dapat membala budi anda.

Sekian. Terima kasih.

Yang Benar,

Nurul Amali bin Mohd. Shamsudin  
Pelajar Sarjana Pendidikan  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Malaya.

Arahan: Sila tanda [✓] dalam kotak yang disediakan bagi jawapan yang sesuai dengan diri anda.

Bahagian A: Latar Belakang Demografik

1. Jantina anda;  Lelaki  Perempuan

2. Usia anda; \_\_\_\_\_ tahun

3. Taraf perkahwinan anda;

- |                                     |                                    |
|-------------------------------------|------------------------------------|
| <input type="checkbox"/> Bujang     | <input type="checkbox"/> Berkahwin |
| <input type="checkbox"/> Duda/Janda |                                    |

4. Jika anda telah atau pernah berkahwin, anda;

- |   |   |
|---|---|
| <input type="checkbox"/> Mempunyai anak | <input type="checkbox"/> Tidak mempunyai anak |
|---|---|

5. Tempat tinggal anda terletak;

- |   |  |
|---|--|
| <input type="checkbox"/> Di bandar      | <input type="checkbox"/> Di pinggir bandar |
| <input type="checkbox"/> Di luar bandar |  |

6. Tempat tinggal anda, adalah milik;

- |   |  |
|---|--|
| <input type="checkbox"/> Anda sendiri                     | <input type="checkbox"/> Pasangan anda             |
| <input type="checkbox"/> Ibu bapa anda atau pasangan anda | <input type="checkbox"/> Tuan rumah (Anda menyewa) |

7. Kelulusan akademik tertinggi anda;

- |  |  |
|--|--|
| <input type="checkbox"/> Doktor Falsafah | <input type="checkbox"/> Sarjana                       |
| <input type="checkbox"/> Sarjana Muda    | <input type="checkbox"/> Diploma                       |
| <input type="checkbox"/> Sijil           | <input type="checkbox"/> Lain-lain<br>Nyatakan : _____ |

8. Pengkhususan pengajian tertinggi anda;

- |   |                                      |
|---|--------------------------------------|
| <input type="checkbox"/> Syariah                        | <input type="checkbox"/> Usuluddin   |
| <input type="checkbox"/> Pendidikan Islam               | <input type="checkbox"/> Bahasa Arab |
| <input type="checkbox"/> Lain-lain.<br>Nyatakan : _____ |                                      |

Bahagian B : Maklumat Profesional

9. Kelulusan Iktisas Perguruan anda :

- Diploma Pendidikan KPLI  
 Diploma Pendidikan Maktab Perguruan  
 Sijil Perguruan  
 Tiada  
 Lain-lain. Nyatakan : \_\_\_\_\_

9 (a). Mata pelajaran pengkhususan anda ? Nyatakan ;

1. \_\_\_\_\_  
 2. \_\_\_\_\_  
 3. \_\_\_\_\_

9 (b). Mata pelajaran yang anda ajar sekarang ? Nyatakan ;

1. \_\_\_\_\_ 4. \_\_\_\_\_  
 2. \_\_\_\_\_ 5. \_\_\_\_\_  
 3. \_\_\_\_\_ 6. \_\_\_\_\_

10. Pengalaman anda mengajar ;

- |  |   |
|--|---|
| <input type="checkbox"/> Lebih 9 tahun       | <input type="checkbox"/> 6 hingga 9 tahun |
| <input type="checkbox"/> 3 hingga 6 tahun    | <input type="checkbox"/> 1 hingga 3 tahun |
| <input type="checkbox"/> Kurang dari 1 tahun |   |

11. Bilangan waktu mengajar anda seminggu ;

- |   |   |
|---|---|
| <input type="checkbox"/> Lebih 25 waktu     | <input type="checkbox"/> 20 hingga 25 waktu |
| <input type="checkbox"/> 14 hingga 19 waktu | <input type="checkbox"/> Kurang 13 waktu    |

12. Jumlah mata pelajaran yang anda ajar ;

- |   |   |
|---|---|
| <input type="checkbox"/> 5 mata pelajaran | <input type="checkbox"/> 4 mata pelajaran |
| <input type="checkbox"/> 3 mata pelajaran | <input type="checkbox"/> 2 mata pelajaran |
| <input type="checkbox"/> 1 mata pelajaran |   |

13. Pengalaman anda mengajar mata pelajaran Pendidikan al-Qur'an dan as-Sunnah ;

- |  |   |
|--|---|
| <input type="checkbox"/> Lebih 9 tahun       | <input type="checkbox"/> 6 hingga 9 tahun |
| <input type="checkbox"/> 3 hingga 6 tahun    | <input type="checkbox"/> 1 hingga 3 tahun |
| <input type="checkbox"/> Kurang dari 1 tahun |   |

14. Siapakah yang memberi kesan terbesar terhadap penguasaan anda membaca al-Quran?

- |  |  |
|--|--|
| <input type="checkbox"/> Ibu Bapa                    | <input type="checkbox"/> Guru al-Quran |
| <input type="checkbox"/> Rakan sepengajian           | <input type="checkbox"/> Rakan sejawat |
| <input type="checkbox"/> Lain-lain. Nyatakan : _____ |  |

15. Menurut pendapat anda, bagaimanakah penguasaan anda membaca al-Quran?

- |   |
|---|
| <input type="checkbox"/> Sangat mahir. Menguasai hukum tajwid dan makhraj huruf sepenuhnya. Membaca dengan fasih dan tarannum asas.                               |
| <input type="checkbox"/> Mahir. Mengetahui hukum tajwid dan makhraj huruf yang perlu. Membaca dengan agak fasih dan lancar.                                       |
| <input type="checkbox"/> Sederhana. Mengetahui hukum tajwid dan makhraj huruf. Sedikit bermasalah mengaplikasikan beberapa hukum tajwid dan makhraj dalam bacaan. |
| <input type="checkbox"/> Lemah. Mengetahui sebahagian hukum tajwid dan makhraj. Agak bermasalah mengaplikasikannya dalam bacaan. Bacaan tersekat-sekat.           |
| <input type="checkbox"/> Amat lemah. Sering merujuk untuk mengetahui hukum tajwid dan makhraj huruf sama ada kepada kitab atau rakan sejawat.                     |

Bahagian C : Perlaksanaan Pengajaran Tilawah al-Qur'an Dalam Pendidikan al-Qur'an dan as-Sunnah (PQS).

16. Adakah anda memperuntukkan waktu untuk mengajar pelajar anda membaca al-Qur'an dalam waktu pengajaran rasmi mata pelajaran ini?

- |                             |                                |
|-----------------------------|--------------------------------|
| <input type="checkbox"/> Ya | <input type="checkbox"/> Tidak |
|-----------------------------|--------------------------------|

Nota : Jika jawapan anda bagi Soalan 16 adalah Ya, sila jawab soalan 17, 18 dan 19 dan soalan-soalan seterusnya. Jangan jawab Soalan 20.

Jika jawapan anda bagi Soalan 16 adalah Tidak, jangan jawab soalan 17, 18 dan 19. Sila jawab Soalan 20 dan soalan-soalan seterusnya.

17. Jika jawapan anda bagi Soalan 16 adalah Ya, berapa waktukah yang anda peruntukkan untuk mengajar kemahiran ini kepada pelajar anda ?

- |  |  |
|--|--|
| <input type="checkbox"/> 1 waktu seminggu            | <input type="checkbox"/> 1 waktu setiap 2 minggu |
| <input type="checkbox"/> Lain-lain. Nyatakan : _____ |  |

18. Jika jawapan anda bagi Soalan 16 adalah Ya, apakah kaedah yang anda gunakan? (Anda boleh menanda [✓] lebih daripada satu (1) kotak).

- (a) Anda memperdengarkan bacaan contoh dan pelajar mengulangi bacaan anda beramai-ramai atau secara individu
- (b) Pelajar membaca beramai-ramai dan anda meneliti bacaan mereka sekaligus dan membetulkannya
- (c) Meminta beberapa orang murid membaca dan membetulkan bacaan mereka sambil diteliti oleh pelajar lain
- (d) Membincangkan hukum tajwid yang terdapat dalam ayat-ayat tilawah
- (e) Lain-lain. Nyatakan : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

19. Antara kelima-lima kaedah dalam Soalan 18, yang manakah paling kerap anda gunakan?

[Rujuk pilihan jawapan anda pada Soalan 18 dan tulis sama ada (a), (b), (c), (d) atau (e) pada kotak yang disediakan]

Jawapan : Kaedah

19.1 Mengapa? Nyatakan : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

20. Jika jawapan anda bagi Soalan 16 adalah Tidak, mengapa? (Anda boleh menanda [✓] lebih daripada satu (1) kotak)

- Bukan objektif mata pelajaran ini
- Tidak perlu kerana pelajar anda telah mahir membaca al-Qur'an
- Bukan sebahagian Rancangan Pengajaran Tahunan anda bagi mata pelajaran ini
- Telah ada waktu khusus untuk pengajaran membaca al-Quran di dalam jadual
- Tumpuan adalah untuk menghabiskan sukanan pelajaran
- Lain-lain. Nyatakan : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Bahagian D :

**Arahan :** Untuk bahagian ini, anda diminta untuk memberikan respon terhadap pernyataan yang diberikan berdasarkan situasi sebenar anda. Bagi setiap pernyataan, sila tanda [ ✓ ] pada kotak jawapan yang telah disediakan mengikut pendapat yang paling sesuai dengan anda sebagaimana berikut :

- |                         |
|-------------------------|
| Sangat tidak setuju : 1 |
| Tidak setuju : 2        |
| Tidak pasti : 3         |
| Setuju : 4              |
| Sangat setuju : 5       |

I: Perancangan Sukatan Pengajaran Tahunan

		1	2	3	4	5
21	Anda lebih berpandukan Huraian Sukatan Pelajaran PQS untuk merancang Rancangan Pengajaran (RP) Tahunan anda berbanding buku teks.					
22	Merancang RP Tahunan adalah lebih mudah dengan menggunakan buku teks.					
23	Anda perlu membuat perbincangan dengan Panitia PQS sebelum merancang RP Tahunan PQS anda.					
24	Peruntukan waktu dalam jadual bagi mata pelajaran ini tidak membantu anda untuk membuat perancangan yang baik dan memenuhi kehendak sukatan.					
25	RP Tahunan PQS anda adalah berdasarkan kepada takwim sekolah anda.					
26	RP Tahunan anda dirancang mengikut keperluan pelajar.					
27	Anda perlu menyelesaikan sukatan pelajaran sebelum peperiksaan akhir tahun tiba.					
28	Menyelesaikan sukatan pelajaran adalah matlamat utama pengajaran dan panitia anda.					
29	Menyelesaikan sukatan adalah perlu bagi menumpukan pengajaran kepada kemahiran pelajar menjawab soalan di akhir tahun.					
30	Anda kerap menulis RP Harian anda selepas anda memasuki kelas.					
31	Anda tidak mampu membimbing pelajar membaca kesemua ayat-ayat tilawah yang ditentukan dalam sukatan.					
32	RP tahunan anda turut memperuntukkan waktu untuk anda mengajar pelajar anda membaca al-Quran.					
33	RP adalah dokumen penting yang memandu pengajaran anda sepanjang tahun.					
34	Anda kerap tidak mengikut RP Tahunan anda.					
35	Perancangan anda adalah untuk memastikan pelajar membaca kesemua ayat-ayat yang ditentukan dalam sukatan.					

Nota :

- |                         |
|-------------------------|
| Sangat tidak setuju : 1 |
| Tidak setuju : 2        |
| Tidak pasti : 3         |
| Setuju : 4              |
| Sangat setuju : 5       |

Nota :

Sangat tidak setuju	:	1
Tidak setuju	:	2
Tidak pasti	:	3
Setuju	:	4
Sangat setuju	:	5

II : Pengajaran Tilawah al-Qur'an

	1	2	3	4	5
--	---	---	---	---	---

36	Anda perlu mengajar pelajar membaca al-Qur'an dalam waktu pengajaran rasmi mata pelajaran ini.				
37	Anda ada melakukan penilaian terhadap kemahiran setiap pelajar membaca al-Qur'an di awal tahun.				
38	Pelajar menunjukkan minat yang tinggi terhadap pengajaran kemahiran ini kepada mereka.				
39	Pelajar telah menunjukkan peningkatan yang baik hasil pengajaran kemahiran ini kepada mereka.				
40	Pelajar lebih mahir membaca al-Qur'an hasil pengajaran anda kepada mereka.				
41	Tahap kemahiran pembacaan pelajar tidak berubah selepas pengajaran anda.				
42	Pelajar sememangnya telah mahir membaca al-Qur'an sebelum mengikuti pengajaran anda.				
43	Pengajaran membaca al-Qur'an adalah perlu bagi meningkatkan tahap pembacaan al-Qur'an pelajar anda.				
44	Anda kerap memberikan bacaan contoh ayat-ayat tilawah kepada pelajar anda.				
45	Anda sering menyemak bacaan pelajar dan membetulkan bacaan mereka di dalam kelas.				
46	Anda menggalakkan pelajar anda untuk bertanya mengenai cara bacaan yang betul.				
47	Anda mempunyai rekod bertulis tentang kebolehan pelajar membaca al-Quran.				
48	Anda lebih kerap membincangkan hukum-hukum tajwid daripada membaca ayat-ayat tilawah.				
49	Anda lebih mementingkan keupayaan pelajar untuk mengenalpasti hukum dan permasalahan hukum tajwid.				
50	Pelajar anda lebih berminat berbincang mengenai hukum tajwid daripada membaca ayat-ayat tilawah.				
51	Anda lebih bimbang pelajar anda tidak menguasai hukum tajwid daripada membaca ayat-ayat tilawah.				
52	Anda lebih selesa untuk membincangkan hukum tajwid daripada membetulkan bacaan pelajar anda.				
53	Membetulkan bacaan pelajar adalah lebih sukar dan memakan masa yang panjang.				

Nota :

Sangat tidak setuju	:	1
Tidak setuju	:	2
Tidak pasti	:	3
Setuju	:	4
Sangat setuju	:	5

Nota :

Sangat tidak setuju	:	1
Tidak setuju	:	2
Tidak pasti	:	3
Setuju	:	4
Sangat setuju	:	5

II : Pengajaran Tilawah al-Qur'an (sambungan)		1	2	3	4	5
54	Anda keberatan untuk mengambil masa yang panjang bagi membetulkan bacaan pelajar.					
55	Sukatan PQS membuatkan anda sering terkejar-kejar dalam pengajaran anda.					
56	Masa yang diperuntukkan untuk PQS dalam jadual membuatkan anda kesulitan masa untuk mengajar pelajar anda membaca al-Quran.					
57	Anda lebih selesa menggunakan mushaf untuk mengajar pelajar anda membaca al-Quran.					
58	Anda sentiasa memastikan pelajar anda mempunyai mushaf sekiranya anda ingin mengajar mereka membaca al-Quran.					
59	Anda memiliki kaset atau cakera padat (CD) bacaan al-Quran untuk diperdengarkan kepada pelajar.					
60	Menerangkan hukum tajwid lebih mudah dengan carta yang disediakan lebih awal.					
61	Anda memerdengarkan kaset atau cakera padat (CD) bacaan al-Quran kepada pelajar sebagai bacaan contoh.					
62	Anda sering menggunakan carta hukum tajwid dan makhraj huruf ketika mengajar pelajar anda.					
63	Ketidaaan BBM di sekolah menyebabkan anda jarang menggunakan BBM ketika mengajar pelajar membaca al-Quran.					
64	Anda lebih suka menggunakan BBM yang anda hasilkan daripada yang telah tersedia di pasaran.					
65	Anda kerap mengisi masa lapang anda untuk menghasilkan BBM.					
66	Anda tidak mempunyai masa yang cukup untuk menghasilkan BBM yang membantu pengajaran anda.					
67	Selain daripada mushaf al-Quran dan papan tulis, anda sering tidak menggunakan BBM lain ketika mengajar pelajar membaca al-Quran.					
68	Penilaian adalah penting untuk mengukur tahap pembelajaran pelajar.					
69	Anda mempunyai rekod penilaian terhadap kemahiran pelajar membaca al-Quran.					
70	Anda mengharapkan daya ingatan anda untuk mengenalpasti tahap kemahiran setiap pelajar membaca al-Quran.					
71	Mempunyai sistem rekod yang tersusun adalah penting untuk mengikuti perkembangan pembelajaran pelajar.					

Nota : Sangat tidak setuju : 1  
 Tidak setuju : 2  
 Tidak pasti : 3  
 Setuju : 4  
 Sangat setuju : 5

Nota:

- |                     |     |
|---------------------|-----|
| Sangat tidak setuju | : 1 |
| Tidak setuju        | : 2 |
| Tidak pasti         | : 3 |
| Setuju              | : 4 |
| Sangat setuju       | : 5 |

II: Pengajaran Tilawah al-Qur'an (sambungan)

		1	2	3	4	5
72	Anda tidak perlu menilai keupayaan pelajar membaca al-Quran kerana telah ada guru yang khusus mengajar pelajar membaca al-Quran.					
73	Penguasaan pelajar terhadap ilmu tajwid diukur berdasarkan markah yang diperolehi dalam peperiksaan.					
74	Anda menggunakan penilaian untuk merancang aktiviti pengajaran anda yang akan datang.					
75	Anda menilai kebolehan pelajar dengan meminta mereka membacakan petikan ayat al-Quran kepada anda.					
76	Anda membincangkan hukum tajwid kerana ia termasuk di dalam sukanan peperiksaan mata pelajaran ini.					
77	Pengajaran pelajar membaca al-Quran seharusnya diserahkan kepada guru al-Quran mereka seluruhnya.					

78. Menurut pendapat anda, apakah cadangan yang boleh dilaksanakan untuk memperbaiki pengajaran tilawah al-Qur'an dalam mata pelajaran ini?  
(Anda boleh menanda [ ✓ ] pada lebih daripada satu (1) kotak)

- Memperuntukkan waktu pengajaran yang lebih bagi mata pelajaran ini
  - Mengurangkan sukanan ayat untuk tilawah al-Quran
  - Mempertingkatkan komitmen guru dan pentadbir sekolah
  - Memberikan latihan yang perlu dalam bidang pengajaran kemahiran membaca al-Qur'an kepada guru-guru yang mengajar mata pelajaran ini
  - Menambah kuota guru Pendidikan Islam di sekolah-sekolah yang menawarkan mata pelajaran ini
  - Lain-lain. Nyatakan : \_\_\_\_\_
- 
- 
- 
- 

**Terima Kasih Atas Kerjasama  
Anda !!**

Transkrip Nota Lapangan (Field Notes)  
 Kajian Perlaksanaan Pengajaran Tilawah al-Quran  
 di Sekolah Menengah Agama Negeri

Tarikh : 10 Ogos 2004

Masa : 08:00 pagi

Tempat : Bilik Kaunseling

Sampel : Responden 1

Kependekan : P = Pengkaji

R = Responden

SMA = Sekolah Agama Menengah

JAIS = Jabatan Agama Islam Selangor

PQS = Pendidikan al-Quran dan as-Sunnah

P : Assalamualaikum ustazah. Saya Nurul Amali Mohd Shamsudin pelajar Sarjana Pendidikan Universiti Malaya sedang menjalankan kajian bertajuk "Kajian Perlaksanaan Pengajaran Tilawah al-Quran di SMA Negeri. Saya ingin menemuramah ustazah bagi melengkapkan kajian saya.

R : Waalaikumsalam. Boleh, apa salahnya.

P : Boleh ustazah jelaskan kelulusan tertinggi dan ikhtisas ustazah?

R : Kelulusan saya ialah Sarjana Muda Syariah dari Universit al-Azhar. Saya tidak ada kelulusan ikhtisas tetapi sedang mengikuti program Kursus Dalam Cuti (KDC) di Maktab Perguruan Islam Bangi. Penghususan saya ialah Bahasa Arab dan Pengajian Islam.

P : Bila ustazah mula-mula mengajar dan mula mengajar PQS?

R : Saya mula mengajar pada tahun 2000 sebagai guru sandaran dan dilantik pada tahun 2003 sebagai guru tetap. Saya mula mengajar PQS awal tahun ini (2004). Saya mengajar tingkatan 4.

P : Berkenaan dengan perancangan tahunan ustazah bagi mata pelajaran ini, ustazah ada membuat perbincangan dengan ahli panitia? Apa rujukan ustazah untuk buat rancangan tahunan?

R : Rancangan tahunan saya buat sendiri, tak bincang dengan ahli panitia. Biasanya rujuk buku teks dan huraihan sukatan PQS. Perancangan berdasarkan tajuk dalam buku teks.

P : Berapa masa PQS seminggu di sekolah ini?

R : 2 atau 3 masa bergantung kepada pakej. Satu masa pulak 30 minit aje..

P : Dengan jumlah masa tu, cukup untuk ustazah mengajar dan selesaikan sukatan PQS?

R : Tak cukup nak 'cover' semua sukatan dan tajuk. Tak sempat. Setakat 70 peratus sahaja tajuk yang dapat diselesaikan. Yang lain, pelajar ulangkaji sendiri.

P : Ada ustazah mengajar pelajar untuk baca al-Quran dalam waktu PQS?

R : Ada, bila ajar tajuk ayat kefahaman. Tapi sukatan untuk ayat tilawah tak pernah habis.

P : Kenapa sukatan tu tak habis?

R : Masa terlalu singkat, tak cukup. Cuma 2 atau 3 masa seminggu. Perlu juga tumpukan kepada tajuk dalam bidang lain.

P : Kalau ustazah, mengajar pelajar bac al-Quran, kaedah apa yang ustazah gunakan?

- R : Biasanya minta pelajar baca petikan ayat. Lepas tu, bincang hukum tajwid yang ada dalam petikan. Hukum tajwid diselitkan aje.
- P : Ikut pendapat ustazah, bagaimana tahap kemahiran pelajar ustazah membaca al-Quran?
- R : Majoriti boleh baca dengan baik. Tapi ada lemah sikit dalam sebutan makhraj huruf dan hukum tajwid.
- P : Baiklah ustazah, terima kasih kerana sudi ditemuramah. Assalamualaikum.
- R : Sama-sama. Waalaikum salam.

Transkrip Nota Lapangan (Field Notes)  
 Kajian Perlaksanaan Pengajaran Tilawah al-Quran  
 di Sekolah Menengah Agama Negeri

Tarikh : 10 Ogos 2004

Masa : 10:00 pagi

Tempat : Bilik Guru

Sampel : Responden 2

Kependekan : P = Pengkaji

R = Responden

SMA = Sekolah Agama Menengah

JAIS = Jabatan Agama Islam Selangor

PQS = Pendidikan al-Quran dan as-Sunnah

P : Assalamualaikum ustaz. Saya Nurul Amali Mohd Shamsudin pelajar Sarjana Pendidikan Universiti Malaya sedang menjalankan kajian bertajuk "Kajian Perlaksanaan Pengajaran Tilawah al-Quran di SMA Negeri. Saya ingin menemuramah ustaz bagi melengkapkan kajian saya.

R : Waalaikum salam. Boleh, apa salahnya.

P : Boleh ustaz terangkan kelulusan ustaz dan kelulusan ikhtisas yang ustaz telah perolehi.

R : Saya berkelulusan Sarjana Muda Syariah dari Uni. Kebangsaan Malaysia. Diploma perguruan saya dari Kolej Islam Darul Ehsan (KISDAR).

P : Pengalaman ustaz mengajar dan bila ustaz mula mengajar PQS?

R : Saya mula mengajar tahun 2003. Tapi saya belum dilantik dan masih kontrak lagi. Mula ajar PQS tahun 2003. Saya mengajar semua kelas tingkatan 4 dan 5.

P : Macam mana dengan perancangan tahnna PQS? Ada bincang dengan ketua bidang atau sesiapa? Apa rujukan ustaz bila buat perancangan?

R : Saya buat sendiri ikut pemahaman saya. Saya pun tak bincang dengan ketua bidang. Biasanya saya rujuk buku teks kerana perancangan ikut tajuk dalam buku teks.

P : Berapa masa untuk PQS di sini?

R : 2 atau 3 masa. Ikut pakej. Cuma 30 minit satu masa.

P : Cukup masa untuk ajar semua tajuk dalam PQS?

R : Untuk tingkatan 4, tak cukup masa. Tapi tingkatan 5 agak cukup sebab ada kelas tambahan dan masa lebih. 4 masa seminggu. Kalau tak habis, pelajar ulangkaji sendiri.

P : Ustaz ada ajar pelajar baca al-Quran dalam waktu rasmi PQS?

R : Bila saya ajar ayat kefahaman, saya ada sentuh sedikit. Petikan ayat yang ada kaitan dengan tajuk ayat kefahaman saje.

P : Kaedah yang ustaz gunakan?

R : Minta pelajar baca petikan. Kalau ada salah bacaan, saya tegur. Tapi selalunya saya baca dan pelajar ikut.

P : Kenapa pilih kaedah tu?

- R : Pelajar dah ada asas baca Quran. Lagipun ada subjek Quran dalam jadual untuk semua pelajar.
- P : Ikut pendapat ustaz, macam mana tahao kemahiran pelajar ustaz membaca Quran?
- R : Majoriti boleh baca dengan baik. Tapi ada seikit kelemahan dalam hukum mad dan bacaan dengung.
- P : Ada ustaz tekankan kemahiran pelajar untuk baca Quran?
- R : Sikit adalah sebab pelajar dah tahu baca.
- P : Baiklah ustaz, terima kasih kerana sudi ditemuramah. Assalamualaikum.
- R : Sama-sama. Waalaikum salam.

Transkrip Nota Lapangan (Field Notes)  
**Kajian Perlaksanaan Pengajaran Tilawah al-Quran  
di Sekolah Menengah Agama Negeri**

Tarikh : 10 Ogos 2004

Masa : 11:30 pagi

Tempat : Pejabat Sekolah (ruang menunggu tetaku)

Sampel : Responden 3

Kependekan : P = Pengkaji  
R = Responden  
SMA = Sekolah Agama Menengah  
JAIS = Jabatan Agama Islam Selangor  
PQS = Pendidikan al-Quran dan as-Sunnah

- P : Assalamualaikum ustazah. Saya Nurul Amali Mohd Shamsudin pelajar Sarjana Pendidikan Universiti Malaya sedang menjalankan kajian bertajuk "Kajian Perlaksanaan Pengajaran Tilawah al-Quran di SMA Negeri. Saya ingin menemuramah ustazah bagi melengkapkan kajian saya.
- R : Waalaikum salam. Saya akan cuba jawab yang mana boleh.
- P : Apa kelulusan tertinggi ustazah? Ustazah ada kelulusan ikhtisas perguruan?
- R : Diploma Usuluddin dan Pendidikan Kolej Islam Darul Ehsan (KISDAR). Ikhtisas saya Diploma Perguruan KISDAR.
- P : Bila mula ustazah mengajar? Dan bila mula ustazah ajar PQS?
- R : Saya mula mengajar tahun 2000. Saya pun belum dilantik lagi. Mula ajar PQS tahun 2001.
- P : Ustazah guna apa untuk buat perancangan tahunan PQS?
- R : Biasanya saya guna huraihan sukanan dan sukanan. Sebab dia lengkap dengan aktiviti pembelajaran dan ikut sukanan terkini PQS.
- P : Berapa masa untuk PQS di sini? Cukup ke masa yang diuntukkan?
- R : Tingkatan 4, 3 masa. Tingkatan 5, 4 masa. Masa memang tak cukup sebab tajuk banyak nak dihabiskan.
- P : Ustazah ada ajar pelajar baca Quran dalam masa PQS?
- R : Sentuh bila ajar tajuk ayat kefahaman sahaja. Sentuhpun tak sepenuhnya.
- P : Kenapa tak penuh?
- R : Sebab dah ada maddah Quran dalam jadual. 2 masa seminggu.
- P : Kalau ustazah ajar pelajar baca Quran, kaedah apa yang ustazah guna?
- R : Saya baca dan pelajar ikut. Saya lebih kerap suruh pelajar baca dan saya tegur jika ada kesalahan. Hukum tajwid pulak, saya sentuh sikit dan tak mendalam.
- P : Kenapa pilih kaedah itu?
- R : Sebab dah ada maddah Quran dalam jadual.
- P : Berapa kerap ustazah ajar pelajar baca al-quran?

- R : 2 minggu sekali. Saya terpaksa tumpukan untuk habiskan sukan dulu.
- P : Ustazah ada masalah peribadi untuk ajar pelajar baca al-Quran?
- R : Saya rasa saya kurang fasih dalam bacaan. Pengetahuan dalam Quran pun tidak mendalam.
- P : Apa masalah ustazah untuk ajar pelajar baca Quran?
- R : Saya hanya sempat sentuh bila mengajar pelajar tajuk ayat kefahaman kerana masa tak cukup. Lagipun sukan ayat dan tajuk dalam PQS banyak.
- P : Baiklah ustazah, terima kasih kerana sudi ditemuramah. Assalamualaikum.
- R : Sama-sama. Waalaikum salam.

Transkrip Nota Lapangan (Field Notes)  
 Kajian Perlaksanaan Pengajaran Tilawah al-Quran  
 di Sekolah Menengah Agama Negeri

Tarikh : 10 Ogos 2004  
 Masa : 01:00 petang  
 Tempat : Pejabat Sekolah (ruang menunggu tetamu)  
 Sampel : Responden 4

Kependekan : P = Pengkaji  
 R = Responden  
 SMA = Sekolah Agama Menengah  
 JAIS = Jabatan Agama Islam Selangor  
 PQS = Pendidikan al-Quran dan as-Sunnah

- P : Assalamualaikum ustazah. Saya Nurul Amali Mohd Shamsudin dari Universiti Malaya sedang menjalankan kajian bertajuk "Kajian Perlaksanaan Pengajaran Tilawah al-Quran di SMA Negeri. Saya ingin menemuramah ustazah bagi melengkapkan kajian saya.
- R : Waalaikum salam. Saya cuba jawablah ustaz.
- P : Apa kelulusan tertinggi ustazah dan kelulusan ikhtisas ustazah?
- R : Sarjana Muda Pengajian Islam/Pengajian al-Quran dan as-Sunnah, Uni. Kebangsaan Malaysia. Saya sedang ikuti Kursus Dalam Cuti di Maktab Perguruan Islam, Bangi.
- P : Bila ustazah mula mengajar dan bila ustazah mula mengajar PQS?
- R : Mulai 1999. Saya pun belum dilantik dan masih jadi guru sandaran tidak terlatih. Saya mula mengajar PQS tahun 2004 dan semua tingkatan 4 dan 5 diajar oleh saya.
- P : Apa yang ustazah guna untuk buat rancangan tahunan PQS?
- R : Biasanya guna buku teks dan buku rujukan. Huraian sukatan dan sukatan hanya sampingan sahaja.
- P : Berapa masa untuk PQS?
- R : Tingkatan 4, 3 masa. Tingkatan 5, 4 masa.
- P : Apa masalah dalam ustazah mengajar PQS?
- R : Sebab utama kerana pelajar tak minat, kerana tak ada bahan bantu. Lagipun tajuk PQS berat. Ia libatkan hafazan ayat, pemahaman konsep dan soalan aras tinggi. Lagi-lagi ada Ujian Lisan Berasaskan Sekolah (ULBS) untuk ting. 5, tambah pelajar tidak minat.
- P : Ada ustazah ajar pelajar baca Quran?
- R : Sentuh bila ajar tajuk ayat kefahaman dan yang ada kaitan dengan ULBS.
- P : Berapa kerap ustazah ajar pelajar baca Quran? Kaedah apa yang ustazah guna?
- R : Biasanya seminggu sekali bila ada kaitan dengan tajuk ayat kefahaman. Tumpuan lebih kepada untuk habiskan tajuk sukatan. Saya akan minta pelajar ikut bacaan saya. Kadang-kadang guna rakaman kaset jugak, tapi bacaan kaset bacaan tadwir (cepat). Kemudian saya akan bincang hukum tajwid dengan cara terangkan hukum dan cara bacaan atau datangkan contoh daripada petikan ayat.
- P : Ikon pendapat ustazah, tahap bacaan pelajar membaca Quran?

- R : Keseluruhannya kurang memuaskan. Banyak masalah makhraj dan harakat bacaan. Hukum tajwid **asas** pun ada masalah.
- P : Apa masalah yang ustazah hadapi untuk ajar pelajar baca Quran?
- R : Saya tak begitu tekankan untuk ajar pelajar baca Quran. Saya lebih tumpukan untuk habiskan sukanan tajuk. Kalau sentuh pun, jika ada kaitan dengan tajuk ayat kefahaman.
- P : Baiklah ustazah, terima kasih kerana sudi ditemuramah. Assalamualaikum.
- R : Sama-sama. Waalaikum salam.

Transkrip Nota Lapangan (Field Notes)  
 Kajian Perlaksanaan Pengajaran Tilawah al-Quran  
 di Sekolah Menengah Agama Negeri

Tarikh : 11 Ogos 2004

Masa : 08:00 pagi

Tempat : Bilik Pengetua

Sampel : Responden 5

Kependekan : P = Pengkaji  
 R = Responden  
 SMA = Sekolah Agama Menengah  
 JAIS = Jabatan Agama Islam Selangor  
 PQS = Pendidikan al-Quran dan as-Sunnah

P : Assalamualaikum ustazah. Saya Nurul Amali Mohd Shamsudin Universiti Malaya sedang menjalankan kajian bertajuk "Kajian Perlaksanaan Pengajaran Tilawah al-Quran di SMA Negeri. Saya ingin menemuramah ustazah bagi melengkapkan kajian saya.

R : Waalaikum salam. Boleh, saya cubalah.

P : Apa kelulusan ustazah dan ustazah ada kelulusan ikhtisas?

R : Kelulusan saya Sarjana Muda Pendidikan Islam, UKM. Pengkhususan saya pengajaran Bahasa Arab dan Tamaddun Islam. Saya tak ada kelulusan ikhtisas seperti diploma sebab ijazah saya bidang pendidikan.

P : Bila ustazah mula mengajar dan bila mula mengajat PQS?

R : Saya mula mengajar tahun 1986. Masa tu belum ada ijazah lagi. Kemudian saya masuk UKM dan tamat tahun 1996. Sejak 1996 lah saya mula mengajar PQS sampai sekarang.

P : Bagaimana tahap bacaan pelajar membaca al-Quran ikut penilaian ustazah?

R : Agak cemerlang. Hanya kesilapan sedikit dalam hukum tajwid seperti mad dan qalqalah. Majoriti boleh baca. Mungkin sebab pelajar dah belajar baca sejak sekolah rendah lagi.

P : Untuk rancang perancangan tahunan, ustazah ada bincang dengan ahli panitia yang lain? Apa yang ustazah guna untuk buat perancangan?

R : Tak ada bincang sebab masing-masing sibuk dan tingkatan yang diajar pun tak sama. Biasanya guna buku teks dan sukanan pelajaran.

P : Ustazah ada rancang untuk mengajar pelajar baca Quran?

R : Tak ada, kerana perancangan hanya berpandu kepada tajuk ayat kefahaman aje. Lagipun tak teringan untuk masukkan dalam perancangan. Mengajar pelajar baca pun hanya sampingan kerana dah ada pelajaran Quran dalam jadual. Pelajar pun dah mahir baca Quran.

P : Berapa masa untuk PQS?

R : Ting. 4, 3 masa. Ting. 5, 6 masa.

P : Ustazah ada peruntukkan waktu untuk ajar pelajar baca Quran?

R : Jarang ajar pelajar baca Quran. Kalau adupun, hanya sentuh 2 atau 3 minit di awal masa jika ajar tajuk ayat tilawah. Apa buat tumpuan di awal tahun untuk menilai tahap bacaan pelajar.

- P : Kenapa ustazah hanya memperuntukkan masa yang sedemikian untuk ajar pelajar baca Quran?
- R : Kerana pelajar dah mahir baca Quran. Lagipun masa tak mencukupi dan sukanan yang terpaksa dihabiskan pula banyak.
- P : Bagaimana dengan sukanan ayat tilawah?
- R : Saya tinggalkan. Saya hanya sentuh yang ada kaitan dengan tajuk ayat kefahaman sahaja.
- P : Apa kaedah yang ustazah guna bila ajar pelajar baca Quran?
- R : Biasanya saya minta pelajar baca dan saya semak bacaan mereka. Saya tak tekankan hukum tajwid kerana pelajar dah kuasainya. Hanya saya soal dalam bentuk latihan sahaja.
- P : Ikut pendapat ustazah, apa kelemahan pelajar bila baca Quran?
- R : Tak ada. Cuma pelajar lemah menghafal petikan ayat, lebih-lebih lagi kelas hujung.
- P : Baiklah ustazah, terima kasih kerana sudi ditemuramah. Assalamualaikum.
- R : Sama-sama. Waalaikum salam.

Transkrip Nota Lapangan (Field Notes)  
 Kajian Perlaksanaan Pengajaran Tilawah al-Quran  
 di Sekolah Menengah Agama Negeri

Tarikh : 11 Ogos 2004

Masa : 10:00 pagi

Tempat : Bilik Guru

Sampel : Responden 6

Kependekan : P = Pengkaji  
 R = Responden  
 SMA = Sekolah Agama Menengah  
 JAIS = Jabatan Agama Islam Selangor  
 PQS = Pendidikan al-Quran dan as-Sunnah  
 KPLI = Kursus Perguruan Lepasan Ijazah

P : Assalamualaikum ustazah. Saya Nurul Amali dari Universiti Malaya sedang menjalankan kajian bertajuk "Kajian Perlaksanaan Pengajaran Tilawah al-Quran di SMA Negeri. Saya ingin menemuramah ustazah bagi melengkapkan kajian saya.

R : Waalaikum salam. Boleh, apa salahnya.

P : Boleh ustazah terangkan kelulusan ustazah dan kelulusan ikhtisas ustazah?

R : Ijazah Sarjana Muda Pengajian al-Quran dan as-Sunnah, UKM. Kelulusan ikhtisas saya, diploma KPLI dengan pengkhususan Pengetahuan Agama Islam dan Bahasa Arab.

P : Pengalaman ustazah mengajar dan bila ustazah mula mengajar PQS?

R : Saya mula berkhidmat tahun 1991 dan saya sebenarnya dipinjamkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia ke JAIS. Saya mula mengajar PQS tahun 2003.

P : Ustazah guna apa untuk buat perancangan tahunan? Ada buat perbincangan untuk perancangan tahunan?

R : Saya guna sukanan dan huraihan sukanan. Ada bincang sesama ahli panitia untuk tentukan garis panduan, tapi buat sendiri-sendiri.

P : Berapa masa untuk PQS di sini?

R : Ting. 4, 2 masa. Ting. 5, 4 masa.

P : Ada buat perancangan untuk ajar pelajar baca Quran?

R : Ada buat tetapi tak dapat dilaksanakan sepenuhnya. Sebabnya kerana memang tak sempat untuk habiskan sukanan ayat tilawah. Lagipun perlu tumpukan untuk habiskan tajuk dalam sukanan dulu. Masa untuk PQS pun tak cukup dan kalau sentuh pun masa ajar ayat kefahaman.

P : Berapa peruntukan waktu untuk ajar pelajar baca Quran?

R : Tak tentu. Hanya sentuh bila ajar tajuk ayat kefahaman sebab kekangan masa.

P : Kalau ustazah mengajar pelajar baca Quran, kaedah apa yang diguna?

R : Suruh pelajar baca dan betulkan bacaan kalau ada salah atau silap. Kemudian, cari nukum tajwid dalam petikan ayat.

P : Kenapa ustazah guna kaedah atau cara ini?

- R : Sebab dah ada guru Quran yang mengajar dalam jadual.
- P : Mengikut pendapat ustazah, kaedah yang digunakan ini mampu membantu pelajar untuk mahir membaca Quran?
- R : Tak mampu bantu pelajar kerana hanya tumpukan kepada pelajar yang boleh membaca sahaja. Kalau nak tumpu kepada pelajar yang kurang boleh baca, terpaksa ambik masa yang panjang.
- P : Apa masalah untuk mengajar pelajar membaca Quran?
- R : Kekangan masa. Lagipun guru yang mengajar Quran bukan bidangnya. Kami pun tiada pendedahan kaedah untuk mengajar Quran dengan cara yang betul.
- P : Baiklah ustazah, terima kasih kerana sudi ditemuramah. Assalamualaikum.
- R : Sama-sama. Waalaikum salam.

Transkrip Nota Lapangan (Field Notes)  
**Kajian Perlaksanaan Pengajaran Tilawah al-Quran  
di Sekolah Menengah Agama Negeri**

Tarikh : 11 Ogos 2004

Masa : 10:00 pagi

Tempat : Bilik Guru

Sampel : Responden 7

Kependekan : P = Pengkaji

R = Responden

SMA = Sekolah Agama Menengah

JAIS = Jabatan Agama Islam Selangor

PQS = Pendidikan al-Quran dan as-Sunnah

P : Assalamualaikum ustaz. Saya Nurul Amali Mohd Shamsudin pelajar Sarjana Pendidikan Universiti Malaya sedang menjalankan kajian bertajuk "Kajian Perlaksanaan Pengajaran Tilawah al-Quran di SMA Negeri. Saya ingin menemuramah ustaz bagi melengkapkan kajian saya.

R : Waalaikum salam. Boleh, saya cuba.

P : Boleh ustaz terangkan kelulusan ustaz dan kelulusan ikhtisas ustaz?

R : Ijazah Sarjana Muda Usuludin dari Universiti al-Azhar. Saya sedang ikuti program Kursus Dalam Cuti di Maktab Perguruan Islam, Bangi.

P : Pengalaman ustaz mengajar dan bila ustaz mula mengajar PQS?

R : Saya mula berkhidmat tahun 2003 dan saya masih bertugas secara kontrak dan belum dilantik. Saya mula mengajar PQS tahun ini (2004).

P : Ustaz guna apa untuk buat perancangan tahunan? Ada buat perbincangan untuk perancangan tahunan?

R : Saya guna sukanan dan huraihan sukanan. Ada bincang sesama ahli panitia untuk tentukan garis panduan, tapi buat sendiri-sendiri.

P : Berapa masa untuk PQS di sini?

R : Ting. 4, 2 masa. Ting. 5, 4 masa.

P : Ada buat perancangan untuk ajar pelajar baca Quran?

R : Ada buat tetapi tak dapat dilaksanakan sepenuhnya. Hanya dapat laksanakan sebahagian sahaja.

P : Berapa peruntukan waktu untuk ajar pelajar baca Quran?

R : Hanya sentuh bila ajar tajuk ayat kefahaman sebab kekangan masa.

P : Kalau ustaz mengajar pelajar baca Quran, kaedah apa yang diguna?

R : Suruh pelajar baca dan betulkan bacaan kalau ada salah atau silap. Kemudian, cari hukum tajwid dalam petikan ayat atau cari potongan ayat untuk hukum tajwid yang tertentu.

P : Kenapa ustazah guna kaedah atau cara ini?

- R : Sebab dah ada guru Quran yang mengajar dalam jadual. Lagipun terpaksa tumpukan juga kepada aspek kefahaman ayat dalam tajuk berkenaan.
- P : Mengikut pendapat ustaz, kaedah yang digunakan ini mampu membantu pelajar untuk mahir membaca Quran?
- R : Tak mampu bantu pelajar kerana hanya tumpukan kepada pelajar yang boleh membaca sahaja. Kalau nak tumpu kepada pelajar yang kurang boleh baca, terpaksa ambik masa yang panjang.
- P : Apa masalah untuk mengajar pelajar membaca Quran?
- R : Kekangan masa. Lagipun guru yang mengajar Quran bukan bidangnya. Kami pun tiada pendedahan kaedah untuk mengajar Quran dengan cara yang betul. Saya lebih tumpukan untuk habiskan sukanan tajuk terlebih dahulu. Tak sempat untuk bimbing pelajar membaca kesemua sukanan ayat tilawah.
- P : Baiklah ustaz, terima kasih kerana sudi ditemuramah. Assalamualaikum.
- R : Sama-sama. Waalaikum salam.

Transkrip Nota Lapangan (Field Notes)  
**Kajian Perlaksanaan Pengajaran Tilawah al-Quran  
 di Sekolah Menengah Agama Negeri**

Tarikh : 11 Ogos 2004

Masa : 12:00 pagi

Tempat : Bilik Pengurusan Kualiti

Sampel : Responden 8

Kependekan : P = Pengkaji  
 R = Responden  
 SMA = Sekolah Agama Menengah  
 JAIS = Jabatan Agama Islam Selangor  
 PQS = Pendidikan al-Quran dan as-Sunnah

- P : Assalamualaikum ustaz. Saya Nurul Amali Mohd Shamsudin pelajar Sarjana Pendidikan Universiti Malaya sedang menjalankan kajian bertajuk "Kajian Perlaksanaan Pengajaran Tilawah al-Quran di SMA Negeri. Saya ingin menemuramah ustaz bagi melengkapkan kajian saya.
- R : Waalaikum salam. Boleh, saya akan cuba.
- P : Boleh ustaz jelaskan kelayakan akademik ustaz.
- R : Kelulusan saya Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam, UKM. Saya juga memegang diploma perguruan daripada program KPLI.
- P : Bila ustaz mula mengajar? Perjawatan ustaz?
- R : Mulai tahun 1993. Saya masih belum dilantik (masih kontrak).
- P : Bagaimana ustaz melakukan perancangan tahunan untuk mata pelajaran PQS?
- R : Saya gunakan buku teks dan buku rujukan. Saya juga ada buat perbincangan dengan ketua bidang tentang perancangan saya.
- P : Berapa masa untuk PQS di sini?
- R : 3 masa untuk ting.4 dan 4 masa untuk ting. 5.
- P : Ustaz ada buat perancangan untuk mengajar pelajar membaca al-Quran?
- R : Ada tapi tak dapat nak laksanakan sepenuhnya.
- P : Ustaz ada memperuntukkan waktu untuk mengajar pelajar membaca Quran?
- R : Pada peringkat awal persekolahan, ada mengajar pelajar membaca Quran. Tapi kemudian dihentikan kerana tajuk dalam sukanan perlu diselesaikan dahulu dan telah ada subjek Quran dalam jadual.
- P : Bagaimana ustaz menilai keupayaan pelajar ustaz membaca Quran?
- R : Pelajar tidak ada masalah membaca Quran. Malah boleh dikatakan mereka mahir membaca Quran.
- P : Kaedah yang digunakan untuk mengajar mereka membaca Quran?
- R : Perbincangan hukum tajwid dalam petikan ayat yang ada kaitan dengan kefahaman ayat sahaja.

- P : Mengapa hanya kaedah ini yang digunakan?
- R : Sebab dah ada guru Quran yang mengajar mereka membaca Quran dalam jadual.
- P : Apa masalah yang dihadapi oleh pengajaran tilawah kepada pelajar?
- P : Pertama, tajuk sukatan terlalu banyak dan untuk selesaikan adalah agak sukar. Cakupan tajuk-tajuk juga sangat luas bagi mereka. Masalah kekangan masa kerana guru pergi berkursus dan sebagainya.
- P : Baiklah ustaz, terima kasih kerana sudi ditemuramah. Assalamualaikum.
- R : Sama-sama. Waalaikum salam.

Transkrip Nota Lapangan (Field Notes)  
 Kajian Perlaksanaan Pengajaran Tilawah al-Quran  
 di Sekolah Menengah Agama Negeri

Tarikh : 16 Ogos 2004

Masa : 10:00 pagi

Tempat : Bilik Pengetua

Sampel : Responden 9

Kependekan : P = Pengkaji

R = Responden

SMA = Sekolah Agama Menengah

JAIS = Jabatan Agama Islam Selangor

PQS = Pendidikan al-Quran dan as-Sunnah

P : Assalamualaikum ustazah. Saya Nurul Amali Mohd Shamsudin pelajar Sarjana Pendidikan Universiti Malaya sedang menjalankan kajian bertajuk "Kajian Perlaksanaan Pengajaran Tilawah al-Quran di SMA Negeri. Saya ingin menemuramah ustazah bagi melengkapkan kajian saya.

R : Waalaikum salam. Boleh, saya cuba.

P : Boleh ustazah terangkan kelulusan tertinggi ustazah dan adalah ustazah mempunyai latihan ikhtisas dalam perguruan?

R : Kelulusan saya Ijazah sarjana Muda Pengajian Islam/Pengajian al-Quran dan as-Sunnah, UKM. Saya ada diploma perguruan KPLI, UIAM.

P : Pengalaman ustazah mengajar? Dan bila ustazah mula mengajar PQS?

R : Saya mula berkhidmat tahun 1997 dan sejak itu mengajar PQS. Saya juga pemeriksa skrip jawapan calon PQS untuk SPM. Kelas yang saya ajar ialah ting. 4 dan 5.

P : Apa yang ustazah gunakan untuk membuat perancangan tahunan mata pelajaran ini? Ada ustazah berbincang untuk hasilkan sukanan?

R : Saya gunakan sukanan dan huraian sukanan. Saya ada buat perbincangan dengan ahli panitia bagi tentukan garis panduan perancangan. Ayat tilawah dimasukkan dalam perancangan setiap minggu. Tapi hanya 70 peratus yang dapat diselesaikan saban tahun.

P : Ada ustazah buat perancangan untuk mengajar pelajar membaca Quran?

R : Ada tapi tak dapat dilaksanakan sepenuhnya, kerana kekangan masa atau tak sempat untuk habiskan sukanan ayat tilawah, tumpukan untuk habiskan tajuk dalam sukanan dan masa yang tidak mencukupi.

P : Apa masalah ustazah untuk selesaikan sukanan PQS?

R : Pertama, masa yang tidak cukup. Kedua, tajuk dalam sukanan terlalu banyak.

P : Ustazah ada untukkan waktu untuk mengajar pelajar membaca Quran.

R : Hanya sentuh bila berkaitan dengan ayat kefahaman.

P : Kaedah apa yang digunakan?

R : Minta pelajar baca dan diteliti oleh rakan mereka. Saya bacakan ayat contoh dan pelajar ikut. Minta pelajar baca dalam kumpulan masing-masing dan rakan sekumpulan

menegur bacaan rakan sekumpulan jika ada. Berbincang mengenai hukum tajwid. Saya kerap gunakan kaedah pertama dan kedua.

- P : Mengapa gunakan kaedah ini?
- R : Sudah ada guru Quran yang mengajar pelajar membaca Quran dalam jadual.
- P : Apa kelemahan pelajar bila baca Quran?
- R : Hukum tajwid dan makhray huruf. Ramai pelajar tak kenal hukum tajwid yang asas.
- P : Apa masalah dalam pengajaran PQS?
- R : Tak cukup masa dan tumpuan pelajar di ting.4 kerana mereka akan ambil peperiksaan Sijil Menengah Agama.
- P : Baiklah ustazah, terima kasih kerana sudi ditemuramah. Assalamualaikum.
- R : Sama-sama. Waalaikum salam.

Transkrip Nota Lapangan (Field Notes)  
 Kajian Perlaksanaan Pengajaran Tilawah al-Quran  
 di Sekolah Menengah Agama Negeri

Tarikh : 11 Ogos 2004  
 Masa : 12:00 pagi  
 Tempat : Bilik Guru Penolong Kanan Satu  
 Sampel : Responden 10

Kependekan : P = Pengkaji  
 R = Responden  
 SMA = Sekolah Agama Menengah  
 JAIS = Jabatan Agama Islam Selangor  
 PQS = Pendidikan al-Quran dan as-Sunnah

- P : Assalamualaikum ustazah. Saya Nurul Amali Mohd Shamsudin pelajar Sarjana Pendidikan Universiti Malaya sedang menjalankan kajian bertajuk "Kajian Perlaksanaan Pengajaran Tilawah al-Quran di SMA Negeri. Saya ingin menemuramah ustazah bagi melengkapkan kajian saya.
- R : Waalaikum salam. Boleh, saya cuba.
- P : Apa kelulusan tertinggi ustazah dan kelulusan ikhtisas ustazah?
- R : Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam dan Bahasa Arab, UKM.
- P : Bila ustazah mula berkhidmat dan pengalaman ustazah mengajar PQS?
- R : Mula berkhidmat tahun 1986 dan dilantik ke jawatan kekal tahun 1991. Mengajar PQS sejak 1996. Saya juga pemeriksa skrip kertas jawapan pelajar SPM untuk PQS.
- P : Apa yang ustazah gunakan untuk buat perancangan tahunan?
- R : Saya gunakan sukatan dan huraihan sukatan. Saya juga ada buat perbincangan sesama ahli panitia untuk tentukan garis panduan perancangan.
- P : Masa untuk PQS di sekolah ini?
- R : Ting. 4 dan 5 masing-masing 3 masa seminggu.
- P : Ustazah ada buat perancangan untuk mengajar pelajar membaca Quran?
- R : Ada buat perancangan tetapi tak habis sebab masa yang tidak cukup. Biasanya hanya baca petikan ayat yang ada kaitan dengan tajuk ayat kefahaman sahaja.
- P : Berapa masa diperuntukkan untuk mengajar pelajar membaca Quran?
- R : Hanya sentuh jika sebahagian daripada tajuk ayat kefahaman.
- P : Kaedah apa yang digunakan?
- R : Saya baca dan pelajar ikut. Kadang-kadang minta pelajar yang mahir membaca Quran membacakan bacaan contoh.
- P : Ada ustazah beri penekanan kepada pengajaran tilawah kepada pelajar?
- R : Saya kurang penekanan dalam pengajaran kerana pelajar telah mahir membaca Quran, ada kelas rasmi Quran dalam jadual waktu, sijilus yang banyak yang perlu dihabiskan dan masa yang tidak mencukupi.

- P : Apa masalah pembacaan Quran yang dihadapi oleh pelajar?
- R : Masalah hukum mim mati dan makhraj huruf.
- P : Apa masalah pengajaran PQS secara umum?
- R : Tak sempat habiskan sukanan kerana kekangan masa, tak dapat lahirkan pelajar mengikut kehendak PQS. Juga bebanan tugas guru yang banyak memberi kesan kepada penumpuan guru di dalam kelas dan kurangnya buku rujukan dan latihan di pasaran.
- P : Baiklah ustazah, terima kasih kerana sudi ditemuramah. Assalamualaikum.
- R : Sama-sama. Waalaikum salam.

**Senarai Mata Pelajaran Yang Ditawarkan  
Di Bawah Kurikulum Sekolah Agama Menengah (SAM)  
Kelolaan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)**

**1. Kurikulum Tingkatan Satu – Tiga**

Bil	Mata Pelajaran	Jumlah Masa Seminggu		Kurikulum
		Ting 1 & 2	Ting 3	
1	Bahasa Melayu	5	5	Kurikulum KBSM
2	Bahasa Inggeris	5	5	
3	Bahasa Arab Komunikasi	4	4	
4	Pendidikan Islam	3	5	
5	Sejarah	3	3	
6	Geografi	3	3	
7	Matematik	5	5	
8	Sains	5	5	
9	Kemahiran Hidup Bersepadu	4	4	
10	Tafsir	2	2	Kurikulum al-Azhar
11	Hadith	2	1	
12	Fiqh	2	2	
13	Tauhid	2	1	
14	Bahasa Arab Muzakirat	3	3	
15	Al-Quran	2	2	
Jumlah		50	50	

**Senarai Mata Pelajaran Tingkatan Satu-Tiga SAM, JAIS**

**Senarai Mata Pelajaran Yang Ditawarkan  
Di Bawah Kurikulum Sekolah Agama Menengah (SAM)  
Kelolaan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)**

**2. Kurikulum Tingkatan Empat – Lima (Pakej 2 (a) : Sains Tulen Teknologi)**

Bil	Mata Pelajaran	Jumlah Masa Seminggu		Kurikulum
		Ting 4	Ting 5	
1	Bahasa Melayu	4	4	Kurikulum KBSM
2	Bahasa Inggeris	4	4	
3	Bahasa Arab Tinggi	6	4	
4	Sejarah	3	4	
5	Matematik	4	4	
6	Matematik Tambahan	4	5	
7	Pendidikan al-Quran dan as-Sunnah	2	2	
8	Pendidikan Syariah Islamiah	2	2	
9	Lukisan Kejuruteraan	4	5	
10	Fizik	4	4	
11	Kimia	4	4	
12	English in Science Technology	2	2	
13	Tafsir	1	1	Kurikulum al-Azhar
14	Hadith	2	1	
15	Fiqh	1	1	
16	Tauhid	2	1	
17	Al-Quran	1	2	
Jumlah		50	50	

**Senarai Mata Pelajaran Tingkatan Empat – Lima (Pakej 2 (a) : Sains Tulen Teknologi)**

**Senarai Mata Pelajaran Yang Ditawarkan  
Di Bawah Kurikulum Sekolah Agama Menengah (SAM)  
Kelolaan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)**

**3. Kurikulum Tingkatan Empat – Lima (Pakej 2 (c) : Pengajian Islam Sains Tulen)**

Bil	Mata Pelajaran	Jumlah Masa Seminggu		Kurikulum
		Ting 4	Ting 5	
1	Bahasa Melayu	4	4	Kurikulum KBSM
2	Bahasa Inggeris	4	4	
3	Bahasa Arab Tinggi	3	5	
4	Sejarah	3	3	
5	Matematik	4	4	
6	Matematik Tambahan	4	4	
7	Pendidikan al-Quran dan as-Sunnah	2	4	Kurikulum KBSM
8	Pendidikan Syariah Islamiah	2	4	
9	Biologi	4	4	
10	Fizik	4	4	
11	Kimia	4	4	
12	English in Science Technology	2	2	
13	Tafsir/ Hadith	3	1	Kurikulum al- Azhar
14	Fiqh	3 (gabung)	1	
15	Tauhid		1	
16	Bahasa Arab Muzakirat	3	tiada	
17	Al-Quran	1	1	
Jumlah		50	50	

Senarai Mata Pelajaran Tingkatan Empat – Lima (Pakej 2(c) : Pengajian Islam Sains  
Tulen)

**Senarai Mata Pelajaran Yang Ditawarkan  
Di Bawah Kurikulum Sekolah Agama Menengah (SAM)  
Kelolaan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)**

**4. Kurikulum Tingkatan Empat – Lima (Pakej 2 (e) : Pengajian Islam Sastera  
Ikhtisas)**

Bil	Mata Pelajaran	Jumlah Masa Seminggu		Kurikulum
		Ting 4	Ting 5	
1	Bahasa Melayu	4	4	Kurikulum KBSM
2	Bahasa Inggeris	4	4	
3	Bahasa Arab Tinggi	3	6	
4	Sejarah	3	3	
5	Matematik	4	4	
6	Matematik Tambahan	3	4	
7	Pendidikan al-Quran dan as-Sunnah	3	4	
8	Pendidikan Syariah Islamiah	3	4	
9	Sains	4	4	
10	Ekonomi Asas	3	4	
11	Prinsip Akaun	3	4	
12	Tafsir	2	1	Kurikulum al- Azhar
13	Hadith	2	1	
14	Fiqh	2	1	
15	Tauhid	2	1	
16	Bahasa Arab Muzakirat	3	tiada	
17	Al-Quran	2	1	
Jumlah		50	50	

**Senarai Mata Pelajaran Tingkatan Empat – Lima (Pakej 2(e) : Pengajian Islam Sastera  
Ikhtisas)**

**Senarai Mata Pelajaran Yang Ditawarkan  
Di Bawah Kurikulum Sekolah Agama Menengah (SAM)  
Kelolaan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)**

**5. Kurikulum Tingkatan Empat – Lima (selain Paket 2(a),(c),(e))**

Bil	Mata Pelajaran	Jumlah Masa Seminggu		Kurikulum
		Ting 4	Ting 5	
1	Bahasa Melayu	5	5	Kurikulum KBSM
2	Bahasa Inggeris	5	5	
3	Bahasa Arab Tinggi	3	6	
4	Sejarah	3	4	
5	Matematik	4	4	
6	Sains	5	5	
7	Pendidikan al-Quran dan as-Sunnah	3	4	
8	Pendidikan Syariah Islamiah	3	4	
9	Perdagangan	3	4	
10	Ekonomi Asas	Pilih 2 subjek sahaja	3	
11	Prinsip Akaun		3	
12	Tafsir	2	1	Kurikulum al-Azhar
13	Hadith	2	1	
14	Fiqh	2	1	
15	Tauhid	2	1	
16	Bahasa Arab Muzakirat	3	tiada	
17	Al-Quran	2	1	
Jumlah		50	50	

Senarai Mata Pelajaran Tingkatan Empat – Lima (selain Paket 2 (a), (c), (e))

**Senarai Mata Pelajaran Yang Ditawarkan  
Di Bawah Kurikulum Sekolah Agama Menengah (SAM)  
Kelolaan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)**

**Kurikulum Tingkatan Enam Bawah (STAM) Paket 1 (a)**

Bil	Mata Pelajaran	Jumlah Masa Seminggu	Kurikulum
1	Arudh	4	Kurikulum STAM
2	Balaghah	3	
3	Feqah Faraid	5	
4	Insya'	4	
5	Mustalah Hadis	5	
6	Mutolaah/Nusus/Tarikh Adab	5	
7	Mantiq	3	
8	Nahu	4	
9	Quran Tajwid	3	
10	Sorof	3	
11	Tauhid	3	
12	Ulum Quran	4	
13	Bahasa Inggeris	4	
14	Pendidikan Jasmani/Kesihatan	Waktu ko-ku	
Jumlah		50	

**Senarai Mata Pelajaran Tingkatan Enam Bawah (STAM) Paket 1 (a)**

**Senarai Mata Pelajaran Yang Ditawarkan  
Di Bawah Kurikulum Sekolah Agama Menengah (SAM)  
Kelolaan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)**

**7. Kurikulum Tingkatan Enam Atas (STPM)**

Bil	Mata Pelajaran	Jumlah Masa Seminggu	Kurikulum
1	Pengajian Am		Kurikulum STPM
2	Bahasa Melayu		
3	Bahasa Arab		
4	Sejarah		
5	Usuluddin		
6	Syariah		
Jumlah		50	

**Jadual 7.0**  
**Senarai Mata Pelajaran Tingkatan Enam Atas (STPM)**

CONTOH JADUAL WAKTU SAM / SAMT  
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR - 2001

	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13
ISNIN	7.40	8.10	8.40	9.10	9.40	9.40	10.10	10.40	10.40	11.10	11.40	12.10	12.40
	8.10	8.40	9.10	9.40		10.10	10.40	11.10	11.40	12.10	12.40	1.10	1.40
SELASA													
RABU													
KHAMIS	7.30	8.30	9.00	9.30	9.30	10.00	10.30	10.30	11.00	11.30	11.30	12.00	
	8.30	9.00		9.30	10.00		10.30		11.00	11.30		12.00	
JUMAAT PHM													

Solat Zohor

Catatan : Masa belajar setiap matapelajaran pada :

1. Hari Isnin hingga hari Jumaat ialah 30 minit.
2. Masa belajar pada hari Isnin – Khamis mulai : 7.40 pagi – 1.40 petang
3. Waktu Rehat hari Isnin hingga Khamis bagi :
  - Tingkatan 1, 2 dan 3 mulai : 10.10 – 10.40 pagi
  - Tingkatan 4, 5 dan 6 mulai : 10.40 – 11.10 pagi
4. Masa belajar pada hari Jumaat mulai : 8.30 pagi – 12.00 tgh hari
5. Waktu Rehat pada hari Jumaat ialah bagi :
  - Tingkatan 1, 2 dan 3 mulai : 10.10 – 10.30 pagi
  - Tingkatan 4, 5 dan 6 mulai : 10.30 – 11.00 pagi
6. Pelajar keluar dari kawasan sekolah pada pukul 1.50 petang (Hari Isnin – Khamis) setelah menunaikan Solat Zohor.